

# **Implikasi Hutang Isi Rumah Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Di Malaysia**

Siti Noor Akmal binti Mat Jusoh<sup>a</sup>

<sup>a</sup>Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Emel: mal\_uum@ymail.com

## **Abstrak**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah hubung kait di antara hutang isi rumah, pelaburan, inflasi dan perbelanjaan kerajaan ke atas pertumbuhan ekonomi di Malaysia menggunakan kaedah siri masa. Ujian Ordinary Least Squares OLS, ujian Breusch-Godfrey Serial Correlation LM, ujian Breusch-Pagan-Godfrey dan ujian Jarque Bera digunakan dalam kajian ini. Sampel diambil bermula dari tahun 1984 hingga tahun 2013. Hasil penganggaran model regresi berganda mendapati bahawa hutang isi rumah dan perbelanjaan kerajaan adalah tidak signifikan dalam mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, pelaburan dan inflasi adalah signifikan mempengaruhi kadar pertumbuhan

ekonomi. Hasil kajian ini dapat membantu negara dalam meneliti semula hutang isi rumah untuk menjamin kestabilan ekonomi negara.

**Kata kunci :** Pertumbuhan Ekonomi; Hutang Isi Rumah; Pelaburan; Inflasi; Perbelanjaan Kerajaan

## **1. Pengenalan**

Pertumbuhan ekonomi ialah pembangunan ekonomi berbentuk fizikal seperti pertambahan keluaran barang dan perkhidmatan, pertambahan infrastruktur dan peningkatan pembangunan ekonomi lain. Ianya merupakan alat untuk mengukur prestasi pembangunan negara. Pertumbuhan ekonomi ialah peningkatan dalam kegiatan ekonomi yang menyebabkan pertambahan keluaran (KDNK benar) dalam sesebuah ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi biasanya akan dikaitkan dengan penggunaan isi rumah, pelaburan sektor swasta, perbelanjaan kerajaan dan jumlah perdagangan negara. Penggunaan isi rumah akan menunjukkan hubungan antara tingkat penggunaan keseluruhan isi rumah dengan tingkat pendapatan boleh guna dalam sebuah ekonomi. Dalam jurnal ini keutamaan diberikan bagi menganalisis implikasi hutang isi rumah terhadap pertumbuhan ekonomi negara malaysia.

Hutang isi rumah telah berkembang dengan ketara dalam kedua-dua negara maju dan negara membangun dalam dua dekad terakhir. Ia mempunyai pertumbuhan penggunaan yang berterusan dan seterusnya menyumbang kepada penurunan dalam tabungan isi rumah (Barba dan Pivetti, 2009). Sementara negara-negara maju telah mengalami penurunan dalam penggunaan isi rumah disebabkan krisis kewangan global (Znuderl, O'Toole dan O'Connell, 2012).

Seterusnya jurnal ini juga bertujuan untuk menganalisis samaada faktor-faktor lain seperti pelaburan swasta, inflasi dan perbelanjaan kerajaan akan turut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara. Pelaburan swasta bermaksud ukuran pelaburan yang digunakan untuk menghitung keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Ia merupakan komponen yang penting kerana membekalkan penunjuk kepada keupayaan produktif bagi ekonomi masa depan. Pelaburan dalam negara swasta termasuk belian barang pengganti, tambahan bersih kepada aset modal dan pelaburan dalam inventori. Pertumbuhan pelaburan swasta yang mampan dijangka memberikan manfaat kepada ekonomi Malaysia terutamanya menerusi kemajuan teknologi yang lebih pesat dan peningkatan kapasiti bagi produktiviti ekonomi.

Dalam ilmu ekonomi, inflasi adalah suatu proses peningkatan harga secara umum dan berterusan berkaitan dengan mekanisme pasaran yang dapat disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah permintaan isi rumah yang meningkat, lebihan kecairan dalam pasaran yang membawa kepada peningkatan permintaan, spekulasi dan juga wujud masalah dalam agihan barangan. Dalam erti kata lain, inflasi adalah proses di mana ia menurunkan nilai mata wang sesebuah negara secara berterusan. Tetapi tingkat harga yang tinggi tidak semestinya akan menggambarkan wujud keadaan inflasi. Keadaan inflasi yang tidak menentu dikatakan akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara.

Perbelanjaan kerajaan ke atas barangan dan perkhidmatan adalah merupakan perbelanjaan kerajaan ke atas penyediaan barangan dan perkhidmatan contohnya pembayaran gaji kakitangan kerajaan. Peningkatan perbelanjaan kerajaan ke atas barangan dan perkhidmatan dikatakan akan meningkatkan permintaan penggunaan isi rumah dan seterusnya meningkatkan pengeluaran firma dan meningkatkan pendapatan isi rumah tersebut secara agregat. Peningkatan pendapatan isi rumah tersebut akan meningkatkan perbelanjaan penggunaan tambahan dan kemudiannya menjana lebih banyak pengeluaran. Peningkatan pengeluaran ini seterusnya akan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

## 2. Kajian Lepas

Peningkatan terhadap hutang isi rumah adalah suatu kajian yang dilakukan oleh sesebuah negara yang mana akan menarik minat pengkaji-pengkaji ekonomi untuk mengkaji berkaitan hutang isi rumah selepas tahun 1990. Menurut Deshpande (1997) dalam kajian beliau di mana berdasarkan pengalaman 13 negara yang paling banyak berhutang antara tahun 1971 hingga tahun 1991, di mana pada separuh pertama antara tahun 1975 hingga tahun 1983 menunjukkan kesan positif yang kukuh daripada hutang luar negeri ke atas pelaburan. Di Nigeria, beberapa kajian wujud bagi mengkaji hubungan antara hutang luar negeri dan pertumbuhan ekonomi. Sebagai contoh, Essien dan Onwioduokit (1998) menggunakan *Zeller Reformulation Error* (ZRE) dalam pembolehubah jenis model, dengan kesimpulan bahawa beban hutang yang tinggi yang telah menjadi punca kepada pertumbuhan yang lemah di Nigeria. Oyejide (1985) menegaskan bahawa pertumbuhan ekonomi yang pesat telah menyebabkan pelaburan awam melebihi simpanan awam. Oleh itu kerajaan perlu menggunakan pinjaman untuk menambah simpanan awam bagi mengurangkan jurang tersebut. Hutang menjadi pilihan kewangan yang baik untuk memudahkan proses pembangunan ekonomi.

Walau bagaimanapun, Iyoha (1999) berpendapat hutang boleh mempengaruhi tahap pelaburan dan mengurangkan kadar pertumbuhan ekonomi. Alfredo dan Francisco (2004) menyiasat hubungan antara hutang luar negeri dan pertumbuhan ekonomi bagi beberapa negara Amerika Latin dan Caribbean dan mendapati bahawa jumlah paras hutang luar negeri yang lebih rendah telah dikaitkan dengan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi. Satu lagi kajian oleh Ndung'u (1998) menegaskan bahawa masalah hutang luar negeri di Afrika telah menghadkan pelaburan dan telah mengurangkan prestasi pertumbuhan ekonomi. Selain itu, Audu (2004) mendapati bahawa hutang isi rumah mempunyai kesan yang negatif terhadap proses pertumbuhan ekonomi di Nigeria.

Kajian oleh Borensztein (1991) mendapati bahawa apabila Filipina dibelenggu hutang, dan ini memberikan kesan yang buruk kepada pelaburan swasta. Osinubi, Dauda dan Olaleru (2006) mengesahkan bahawa wujud hubungan antara hutang Laffer dan kesan Bukan linear bagi hutang luar negeri kepada pertumbuhan ekonomi di Nigeria. Oleh itu, negara-negara yang banyak berhutang di sub-Sahara Afrika perlu merancang strategi untuk mengurangkan jumlah hutang supaya stok hutang yang tinggi tidak akan memberi kesan terlalu negatif kepada pertumbuhan ekonomi.

Yasir Ali Mubarik (2005) dengan menganggarkan tingkat nilai ufuk inflasi di Pakistan. Tingkat nilai ufuk yang dijangkakan adalah 9% bagi model yang dianggarkan. Kajian ini menggunakan data tahunan dari tahun 1973 hingga tahun 2000. Kaedah analisis yang digunakan adalah ujian penyebab Granger dan kaedah kuasa dua terkecil (OLS). Keputusan ujian penyebab Granger menunjukkan bahawa inflasi merupakan penyebab kepada pertumbuhan ekonomi. Selain daripada keputusan OLS menunjukkan bahawa nilai ufuk inflasi bagi Pakistan adalah pada 9%, pemilihan tingkat nilai ufuk adalah berdasarkan nilai RSS (nilai jumlah kuasa dua untuk ralat) yang terkecil. Pada tingkat kadar inflasi yang lebih rendah daripada nilai ufuk, tidak wujud hubungan antara kadar inflasi terhadap pertumbuhan ekonomi, selepas tingkat nilai ufuk, inflasi mempengaruhi pertumbuhan ekonomi secara negatif.

Bailey (1971), menyatakan peningkatan perbelanjaan kerajaan ke atas barangan dan perkhidmatan akan mengurangkan penggunaan isi rumah atau merupakan pengganti kepada penggunaan isi rumah. Bailey (1971) mengandaikan kerajaan menjalankan belanjawan berimbang dan isi rumah menganggap perbelanjaan kerajaan sebagai sebahagian daripada pendapatan mereka contohnya pemberian makanan percuma di tempat kerja oleh kerajaan dan isi rumah juga menganggap penggunaan kerajaan sebagai sebahagian daripada penggunaan mereka. Justeru, peningkatan perbelanjaan kerajaan ke atas barangan dan perkhidmatan tidak berkesan untuk meningkatkan permintaan agregat dan seterusnya tidak berkesan untuk menstabilkan pertumbuhan ekonomi. Dalam kajian lain, Ghura (1995), menggunakan data panel siri masa dan keratan rentas untuk 33 buah negara dalam Sub-Saharan Afrika dalam tempoh masa antara tahun 1970 hingga tahun 1990 menunjukkan wujud hubungan negatif antara perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi.

Josaphat et al. (2000), menyiasat kesan perbelanjaan kerajaan terhadap pertumbuhan ekonomi dalam Tanzania (1965-1996) menggunakan data siri masa untuk 32 tahun. Mereka merumuskan model pertumbuhan perakaunan mudah, Ram (1986) menyesuaikan model di mana jumlah perbelanjaan kerajaan diagihkan kepada perbelanjaan fizikal pelaburan, perbelanjaan penggunaan dan pelaburan modal insan. Beliau mendapati bahawa peningkatan perbelanjaan produktif iaitu pelaburan fizikal mempunyai kesan negatif ke atas pertumbuhan dan perbelanjaan penggunaan berkaitan secara positif kepada pertumbuhan ekonomi, dan telah dikaitkan dengan penggunaan swasta yang meningkat.

### **3. METODOLOGI KAJIAN DAN KEPUTUSAN EMPIRIKAL**

#### **Data**

Berdasarkan data siri masa yang diambil bermula dari tahun 1984 hingga tahun 2013 yang diperolehi daripada World development indicator World Bank, data bagi kadar pertumbuhan ekonomi yang diambil adalah berdasarkan keluaran dalam negara kasar tahunan. Bagi data hutang isi rumah, data diperolehi daripada jumlah perkhidmatan hutang iaitu berdasarkan peratusan pendapatan negara kasar. Manakala, bagi data pelaburan pula diperolehi melalui data peratusan pembentukan modal tetap kasar tahunan. Seterusnya bagi data inflasi diperolehi melalui peratusan tahunan bagi harga pengguna. Akhir sekali, bagi data perbelanjaan kerajaan pula diperolehi melalui data peratusan pertumbuhan tahunan bagi perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan.

## Model Penganggaran

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat implikasi hutang isi rumah terhadap kadar pertumbuhan ekonomi negara. Untuk kajian ini, model regresi berganda yang digunakan adalah seperti berikut :

$$GDP = \beta_0 + \beta_1 HD + \beta_2 I + \beta_3 INF + \beta_4 GEX + \varepsilon$$

Penganggaran persamaan regresi berganda yang digunakan adalah:

$$GDP = b_0 + b_1 HD + b_2 I + b_3 INF + b_4 GEX + \varepsilon$$

Di mana :

$b_0$  = penganggar  $\beta_0$

$b_1$  = penganggar  $\beta_1$

$b_2$  = penganggar  $\beta_2$

$b_3$  = penganggar  $\beta_3$

$b_4$  = penganggar  $\beta_4$

GDP = kadar pertumbuhan KDNK (peratus tahunan)

HD = Hutang Isi Rumah (peratus pendapatan negara kasar)

I = Pelaburan (peratus pertumbuhan tahunan)

INF = Inflasi (peratus tahunan)

GEX = Perbelanjaan Kerajaan (peratus pertumbuhan tahunan)

$\varepsilon$  = pembolehubah rawak

## 4. Analisis Kajian

Model regresi yang baik sepatutnya mempunyai beberapa ciri seperti pertama, mempunyai nilai  $R^2$  dan nilai  $R^2$  adjusted yang tinggi. Ciri kedua adalah kebanyakan pembolehubah tidak bersandar seharusnya secara individu adalah signifikan dalam menjelaskan pembolehubah bersandar dan ini boleh diuji menggunakan ujian T. Ciri ketiga adalah semua pembolehubah tidak bersandar seharusnya secara bersama signifikan dalam mempengaruhi pembolehubah bersandar dan ini boleh diuji menggunakan ujian F. Ciri keempat adalah tidak seharusnya wujud hubungan korelasi antara residual. Ciri kelima adalah model tersebut tidak sepatutnya wujud masalah heterokedastisiti dan ciri yang keenam adalah residual seharusnya bertaburan normal. Semua ciri ini akan diuji dalam model ini.

Jadual 1 menunjukkan analisis hasil regresi dengan empat pembolehubah tidak bersandar. Data yang diregres adalah dari tahun 1984 hingga tahun 2013 kerana matlamat utama jurnal ini adalah untuk melihat sejauh mana pembolehubah hutang isi rumah ini akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan sejauhmana faktor-faktor lain mempengaruhi pertumbuhan ekonomi. Penentu pekali  $R^2$  adalah 0.7768 menunjukkan bahawa 77.68 peratus perubahan dalam kadar pertumbuhan ekonomi boleh diterangkan oleh empat pembolehubah yang berkaitan.

Berdasarkan analisis bagi nilai kebarangkalian iaitu nilai p, pembolehubah yang tidak signifikan adalah pembolehubah hutang isi rumah dan juga perbelanjaan kerajaan. Manakala, pembolehubah yang signifikan adalah pembolehubah pelaburan dan inflasi.

Berdasarkan nilai p untuk F-statistik, ia adalah signifikan. Bermaksud keempat-empat pembolehubah adalah signifikan dalam mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

**Jadual 1 : Analisis hasil regresi dengan empat pembolehubah tidak bersandar.**

Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
C	1.393848	1.527503	0.912501	0.3702
HD	0.131294	0.103035	1.274256	0.2143
I	0.227045	0.027132	8.368163	0.0000
INF	0.584370	0.290896	2.008863	0.0555
GEX	0.059556	0.076600	0.777494	0.4442
R-squared	0.776782	Mean dependent var	5.850735	
Adjusted R-squared	0.741067	S.D. dependent var	4.027791	
S.E. of regression	2.049562	Akaike info criterion	4.424141	
Sum squared resid	105.0176	Schwarz criterion	4.657674	
Log likelihood	-61.36211	Hannan-Quinn criter.	4.498850	
F-statistic	21.74948	Durbin-Watson stat	2.137137	
Prob(F-statistic)	0.000000			

Jadual 2 menunjukkan analisis hasil regresi dengan pembolehubah tidak bersandar hutang isi rumah. Penentu pekali  $R^2$  adalah 0.0036 menunjukkan bahawa hanya 0.36 peratus perubahan dalam kadar pertumbuhan ekonomi boleh diterangkan oleh pembolehubah hutang isi rumah. Pembolehubah ini juga secara individu adalah tidak signifikan dalam menerangkan pembolehubah bersandar kadar pertumbuhan ekonomi.

**Jadual 2 : Analisis hasil regresi dengan pembolehubah tidak bersandar hutang isi rumah.**

Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
C	6.313285	1.632719	3.866731	0.0006
HD	-0.058409	0.183328	-0.318606	0.7524
R-squared	0.003612	Mean dependent var	5.850735	
Adjusted R-squared	-0.031973	S.D. dependent var	4.027791	
S.E. of regression	4.091675	Akaike info criterion	5.720126	
Sum squared resid	468.7705	Schwarz criterion	5.813539	
Log likelihood	-83.80189	Hannan-Quinn criter.	5.750010	
F-statistic	0.101509	Durbin-Watson stat	1.593291	
Prob(F-statistic)	0.752390			

Jadual 3 menunjukkan Ujian Breusch-Godfrey Serial Correlation LM. Residual lag 1 dan residual lag 2 digunakan untuk kita melihat samaada pembolehubah residual yang lepas akan mempengaruhi pembolehubah residual kini. Bagi jadual ini, Ujian Breusch-Godfrey Serial Correlation LM menunjukkan nilai p bagi F-statistik adalah tidak signifikan begitu juga nilai p untuk t-statistik iaitu tidak signifikan untuk menunjukkan residual lag 1 dan residual lag 2 mempengaruhi residual kini. Residual menunjukkan tidak wujud sebarang korelasi antara pembolehubah tidak bersandar dan ini bermakna model ini tidal berkorelasi antara satu sama lain.

**Jadual 3 : Ujian Breusch-Godfrey Serial Correlation LM.**

Breusch-Godfrey Serial Correlation LM Test:

F-statistic	1.583127	Prob. F(2,23)	0.2269	
Obs*R-squared	3.630157	Prob. Chi-Square(2)	0.1628	
<hr/>				
Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic Prob.	
C	-0.477695	1.531390	-0.311935	0.7579
HD	0.050233	0.106957	0.469655	0.6430
I	-0.009800	0.027460	-0.356869	0.7244
INF	0.105763	0.290684	0.363842	0.7193
GEX	-0.016441	0.075595	-0.217492	0.8297
RESID(-1)	-0.186430	0.212668	-0.876624	0.3898
RESID(-2)	-0.366958	0.217374	-1.688142	0.1049
<hr/>				
R-squared	0.121005	Mean dependent var	-1.20E-15	
Adjusted R-squared	-0.108298	S.D. dependent var	1.902970	
S.E. of regression	2.003366	Akaike info criterion	4.428498	
Sum squared resid	92.30989	Schwarz criterion	4.755444	
Log likelihood	-59.42747	Hannan-Quinn criter.	4.533091	
F-statistic	0.527709	Durbin-Watson stat	1.927700	
Prob(F-statistic)	0.781452			


Jadual 4 menunjukkan Ujian Breusch-Pagan-Godfrey. Untuk uji masalah heterokedastisiti, kita menggunakan varians bagi residual iaitu dengan melihat ralat yang tidak boleh dijelaskan. Berdasarkan Ujian Breusch-Pagan-Godfrey, nilai p yang diuji residual adalah menunjukkan homokedastisiti di mana nilai p untuk F-statistik adalah signifikan.

**Jadual 4 : Ujian Breusch-Pagan-Godfrey.**

Heteroskedasticity Test: Breusch-Pagan-Godfrey

F-statistic	2.730305	Prob. F(4,25)	0.0517	
Obs*R-squared	9.120977	Prob. Chi-Square(4)	0.0581	
Scaled explained SS	3.706051	Prob. Chi-Square(4)	0.4472	
<hr/>				
Variable	Coefficient	Std. Error	t-Statistic	Prob.
C	5.899467	2.579160	2.287360	0.0309
HD	0.074399	0.173973	0.427645	0.6726
I	-0.101447	0.045812	-2.214414	0.0361
INF	-0.688520	0.491172	-1.401790	0.1733
GEX	-0.087252	0.129338	-0.674607	0.5061
<hr/>				
R-squared	0.304033	Mean dependent var	3.500586	
Adjusted R-squared	0.192678	S.D. dependent var	3.851533	
S.E. of regression	3.460645	Akaike info criterion	5.471799	
Sum squared resid	299.4016	Schwarz criterion	5.705332	
Log likelihood	-77.07698	Hannan-Quinn criter.	5.546508	
F-statistic	2.730305	Durbin-Watson stat	2.309084	
Prob(F-statistic)	0.051718			

Rajah 1 menunjukkan ujian Jarque Bera di mana ujian ini digunakan untuk menentukan samaada residual adalah bertaburan secara normal atau tidak. Berdasarkan ujian ini menunjukkan bahawa residual adalah bertaburan normal.



**Rajah 1 : Ujian Jarque Bera.**



## **5. Kesimpulan Dan Perbincangan**

Kajian ini mengkaji berkenaan implikasi hutang isi rumah terhadap pertumbuhan ekonomi negara malaysia di mana analisis penganggaran menggunakan panel data yang melibatkan hutang isi rumah, pelaburan, inflasi dan perbelanjaan kerajaan. Berdasarkan artikel ini, setelah menjalankan kajian dan menguji dengan beberapa ujian, model yang dihasilkan adalah model LIN-LIN. Setelah di uji, model ini menunjukkan wujud kekuatan dan kelemahan tersendiri. Hasil penganggaran yang diperoleh dapat diringkaskan seperti berikut. Pertama, kajian utama yang ingin ditekankan adalah hutang isi rumah tidak signifikan dalam mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi di malaysia. Ini adalah bertepatan dengan kajian yang dikemukakan oleh Audu (2004) mendapati bahawa hutang isi rumah mempunyai kesan yang negatif terhadap proses pertumbuhan ekonomi di Nigeria. Ini menunjukkan hutang isi rumah adalah tidak signifikan dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan wujud hubungan negatif antara hutang isi rumah dengan pertumbuhan ekonomi di mana semakin rendah jumlah hutang isi rumah, semakin tinggi kadar pertumbuhan ekonomi. Kedua, pelaburan menunjukkan signifikan positif dalam mempengaruhi pertumbuhan ekonomi. Peningkatan dalam pelaburan akan menjadi momentum kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sekiranya pelaburan ini semakin berkurang, ia akan turut mengurangkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Ini dibuktikan oleh kajian yang dilakukan oleh Ndung'u (1998) menegaskan bahawa masalah hutang luar negeri di Afrika telah menghadkan pelaburan dan telah mengurangkan prestasi pertumbuhan ekonomi. Ketiga, inflasi menunjukkan signifikan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi. Inflasi yang positif dapat memastikan bank-bank pusat boleh menyesuaikan kadar faedah nominal yang bertujuan untuk mengurangkan kesan kemelesetan ekonomi dan menggalakkan pelaburan dalam projek-projek modal bukan monetari. Ini juga boleh dibuktikan melalui Keputusan kajian oleh Yasir Ali Mubarik (2005) di mana keputusan ujian penyebab Granger menunjukkan bahawa inflasi merupakan penyebab kepada pertumbuhan ekonomi. Keempat, perbelanjaan kerajaan menunjukkan tidak signifikan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi. Tetapi hakikatnya, perbelanjaan kerajaan memainkan peranan yang penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan manusia di mana peruntukan belanjawan disalurkan kepada sektor-sektor utama khususnya pendidikan dan kesihatan sebagai asas bagi jaminan kualiti manusia dan pembangunan negara. Ia dapat dibuktikan melalui penganggaran yang dilakukan di mana perbelanjaan kerajaan yang positif dan signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi yang dilihat melalui peratusan pertumbuhan yang diperoleh. Tetapi, lebih dalam perbelanjaan kerajaan turut akan memberikan kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Ghura (1995), menggunakan data panel siri masa dan data keratan rentas untuk 33 buah negara dalam Sub-Saharan Afrika dalam tempoh masa antara tahun 1970 hingga tahun 1990 menunjukkan wujud hubungan negatif antara perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi. Model regresi ini boleh dikatakan model yang baik kerana dua daripada empat pembolehubah iaitu pelaburan dan inflasi adalah signifikan dalam mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi iaitu pada aras keertian 10 peratus. Selain itu, model ini juga tidak mempunyai apa-apa korelasi bersiri serta model Jarque-Bera menunjukkan ujian residual bagi sampel terkumpul adalah bertaburan normal. Walaupun hanya beberapa data sahaja digunakan

dalam kajian ini, ia adalah penentu ukuran yang sesuai untuk model yang diperoleh. Untuk pembangunan kajian yang seterusnya, model regresi data ini adalah sesuai untuk digunakan.

## **RUJUKAN**

- Alfredo, S & Francisco, I. (2004). *Debt and Economic Growth in Developing and Industrial Countries*. Working Paper no.34, Columbia University, Department of Economics.
- Bank Negara Malaysia. (n.d.). Laporan Tahunan. Di akses pada 29 April, 2015, di ambil daripada <http://www.bnm.gov.my>.
- Borensztein, E. (1991). *Debt Overhang, Debt Reduction and Investment : The Case of the Philippines*. IMF Working Paper. Osinubi, T. S. Et al. (2006). Budget Deficit, External Debt and Economic Growth in Nigeria. *Journal of Banking and Finance*, Vol, 8. No. 2. 40-64.
- Cochrane, J. (2011), Understanding Policy in the Great Recession: Some Unpleasant Fiscal Arithmetic. *European Economic Review*. Vol, 55. No. 1. 2 - 30.
- Constantinos, A. (2009). Government Spending and Economic Growth: Econometric Evidence from the South Eastern Europe (SEE). *Journal of Economic and Social Research*. 1, 1-16.
- Deshpande, A. (1997). The Debt Overhang and the Incentive to Invest. *Journal of Development Economics*, Vol, 52, 169-187.
- Essien, E.A. & Onwioduokit, E.A. (1998). Foreign Debt and Economic Growth : An Analytical Re-examination. *CBN Economic and Financial Review*, Vol, 36. No. 3.
- Iyoha, M. A. (1999). *External Debt and Economic Growth in Sub-Saharan African Countries*. Nairobi : African Economic Research Consortium. 1-59.
- Josaphat, P. et al. (2000). Government Spending and Economic Growth in Tanzania, 1965-996 : CREDIT Research Paper.
- Kumar, M. et al. (1996). *Determinants of Private Investment in Sub-Sharan Africa: An Empirical Investigation*. IMF Working Paper in J. A. Adam (2000) Foreign Debt, Economic Growth and Nigeria's Debt Servicing Capacity. Doctoral Dissertation University of Ibadan.
- Muritala, T. (2014). Government Expenditure and Economic Development : Empirical Evidence from Nigeria. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. Vol, 5. No. 10.
- Nor, A.I. (2008). Kesan perbelanjaan kerajaan ke atas penggunaan isi rumah : Data Panel negara-negara Islam. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 42, 3-2. Universiti Sains Malaysia.
- Nurshila, A. (2014). Hutang Isi Rumah dan Akses Kewangan: Bukti Analisis Panel Dinamik. *PROSIDING KE IX (PERKEM IX) JILID*, 819 - 832 ISSN: 2231-962X Osinubi, T. S. et al. (2006). Budget Deficit, External Debt and Economic Growth in Nigeria. *Journal of Banking and Finance*. Vol, 8. No. 2. 40-64.

*SOCIAL SCIENCES POSTGRADUATE INTERNATIONAL SEMINAR (SSPIS) 2015*  
*e-ISBN 978-967-11473-2-0*

- TOH, K. T. et al. (2010). Nilai Ufuk Inflasi dan Pertumbuhan Ekonomi di Malaysia. *PROSIDING PERKEM V, JILID 1*, 83 – 97, ISSN : 2231-962X.
- Vincent, N. et al. (2011). Nigeria's External Debt and Economic Growth : An Error Correction Approach. *International Journal of Business and Management*. Vol, 6. No. 5.
- World Bank Group. (n.d.). Countries and Economies. Retrieved April 14, 2015, from <http://data.worldbank.org/country>